

Siswa diingat supaya  
bertanggungjawab

# Ikrar mesti ditunaikan - Mahathir



Dr. Mahathir

PETALING JAYA 23 MEI

KAUM mahasiswa hari ini diingatkan supaya bertanggungjawab di atas sebarang ikrar yang dilafazkan untuk mengelakkan masyarakat menjadi kucar-kacir dan rosak.

Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan, Dr. Mahathir Mohamad ketika mengingatkan demikian berkata, masyarakat akan menjadi mundur dan hancur kalau mereka berpegang kepada ikrar yang tidak bertanggungjawab.

Berucap di upacara membaca ikrar oleh 732 orang mahasiswa baru universiti itu di sini, beliau menegaskan ikrar mesti ditunaikan bukan sahaja di hadapan masyarakat tetapi juga apabila jauh dari mata dan telinga orang lain.

Mahasiswa-mahasiswa itu berikrar:

Bahawasanya kami mengaku sebagai mahasiswa Universiti Kebangsaan akan berusaha mencari dan memperdamakan ilmu pengetahuan dan menjunjung tinggi kebebasan berbuat demikian;

● Memelihara dan meninggikan nama baik universiti.

● Patuh kepada tata-tertib universiti.

Dr Mahathir memberitahu tahun ini universiti tersebut akan membelanjakan \$22 juta tidak termasuk pembangunan.

Menurut beliau, ini bermakna tiap-tiap mahasiswa diberi sebanyak \$9,000 setahun — sama dengan pendapatan 8 orang buruh dan keluarga mereka setahun.

Katanya, perbelanjaan wang di universiti tersebut untuk rakyat yang terpiih dan istimewa seperti mereka bermakna rakyat biasa tidak akan mendapat hak mereka.

"Ini bermakna rakyat yang berkehidupan kepada pertolongan dari kerajaan terpaksa berkorban supaya saudara-saudari dapat pengetahuan," beliau menambah.

Dr. Mahathir bertanya: Apakah pengorbanan ini patut dianggap ringan?

Beliau meminta mahasiswa supaya jangan lupa terhadap pengorbanan rakyat itu dan berkata:

"Kalau tidak lupa tentulah saudara-saudari akan menumpukan seratus peratus tenaga saudara dalam mencari kejayaan.

Tiap-tiap kali dan tiap-tiap seorang daripada saudara yang gagal dalam peperiksaan bermakna rakyat berkorban sia-sia," tegas beliau.